

Kumpulan Cosmopoint, Kumpulan Media Karang kraf Meterai Memorandum Perjanjian Persefahaman (MoA) bagi Menawarkan Biasiswa Karang kraf

28 Januari 2016, Kuala Lumpur - Kumpulan Cosmopoint hari ini mengadakan majlis menandatangani Memorandum Perjanjian (MoA) bersama Kumpulan Media Karang kraf bagi menawarkan Biasiswa Karang kraf bernilai RM 2.5 juta selama 5 tahun kepada para pelajar yang layak melanjutkan pengajian di bawah insititusi Kumpulan Cosmopoint iaitu Kolej Universiti Kuala Lumpur Metropolitan (KLMUC) dan Kolej Cosmopoint. Sesi MoA ini ditandatangani oleh Tn.Hj. Mohamad Kamal Nawawi, Ketua Pegawai Eksekutif, Cosmopoint Sdn. Bhd bersama Dato (Dr.) Hussamuddin Hj. Yaacub, Pengarah Urusan Kumpulan, Kumpulan Media Karang kraf.

Inisiatif ini adalah jalinan yang terbaik bagi kedua-dua syarikat dalam membantu lebih ramai golongan belia untuk melanjutkan pengajian di KLMUC dan Kolej Cosmopoint memandangkan faktor kewangan merupakan antara penyebab mereka tidak berpeluang belajar di peringkat lebih tinggi.

“Tawaran Biasiswa Karang kraf kepada kedua-dua institusi swasta di bawah teraju Kumpulan Cosmopoint ini bakal memberi manfaat pendidikan kepada para penerima. Insentif ini adalah selari dengan misi kami bagi membantu para belia berpotensi yang datang daripada keluarga yang berpendapatan sederhana, berpeluang membina masa hadapan yang lebih baik. Pasti nya biasiswa berkenaan akan memberikan impak positif kepada komitmen dan kesungguhan mereka untuk berjaya dalam pengajian. Kerjasama strategik ini bukan sahaja menjadikan penerima biasiswa bebas daripada pinjaman kewangan pendidikan, malah dapat membentuk dan membangun potensi pelajar berkenaan dalam bidang akademik, kemahiran dan ko-kurikulum,” kata Tuan Haji Mohamad Kamal Nawawi, Ketua Pegawai Eksekutif Cosmopoint Sdn. Bhd.

Selain sesi menandatangani MoA, majlis perasmian Rumah Ngaji turut berlangsung di KLMUC. Ini merupakan projek ke-2 usahasama Kumpulan Cosmopoint dengan Yayasan Warisan Ummah Ikhlas di bawah syarikat Kumpulan Media Karang kraf. Pelancaran Rumah Ngaji di Kolej Cosmopoint Kuala Terengganu pada bulan Oktober lalu merupakan detik yang bermakna kerana ianya merupakan Rumah Ngaji pertama yang dibangunkan di negeri itu. Antara pengisian pengajaran adalah pembacaan asas Al-Quran mengikut tajwid, memahami

makna dan iktibar ayat-ayat Al-Quran serta menjadikan tempat tersebut sebagai pusat pertemuan untuk meluaskan kenalan dalam komuniti Islam.

“Kami gembira dengan adanya sebuah syarikat badan bebas yang sehaluan dan berkongsi matlamat yang sama. Inisiatif murni ini bertujuan untuk memberikan sumbangan positif kepada para pelajar dan masyarakat. Pasti Rumah Ngaji ini bakal membentuk graduan kami yang seimbang dalam ilmu akademik, kemahiran dan keagamaan,” ulas Kamal.

Selain peka dengan aspek keperluan kerohanian, Kumpulan Cosmopoint sentiasa berusaha menyediakan fasiliti yang terbaik untuk para pelajar. Oleh itu, bermula pada bulan Oktober 2014, pusat operasi yang sebelumnya berada di Kampus Putra di Jalan Raja Laut telah berpindah ke Kampus Metro di Menara Tun Ismail Mohamed Ali (TIMA). Bagi melicinkan lagi sistem urus tadbir dan operasi akademik, pihak pengurusan telah menaik taraf struktur dalaman KLMUC pada akhir 2015 bagi menempatkan semua fakulti di kampus induk.

“Kampus ini mempunyai fasiliti yang lebih banyak dan ruang pembelajaran dan pengajaran yang lebih besar berbanding dengan bangunan lama. Antara fasiliti pembelajaran di sini termasuk pelbagai studio seperti fotografi, fesyen, rekaan produk, produksi, penerbitan radio, ‘mock up lab’ pendidikan awal kanak-kanak serta dapur kulinari & pastri. Elemen-elemen ini seiring dengan agenda kami yang menerapkan prinsip Aplikasi Dunia Nyata dalam kaedah pembelajaran di KLMUC. Ianya dapat membantu dalam pembelajaran teori dan kemahiran, seterusnya dipraktikkan di dalam kerjaya,” jelasnya.

Selain kemudahan ruang pembelajaran yang kondusif, KLMUC dan Kolej Cosmopoint merupakan institusi yang sentiasa mementingkan kemudahan aksesibiliti. Lokasi KLMUC adalah strategik di mana ianya terletak di tengah-tengah pusat bandaraya Kuala Lumpur serta Kolej Cosmopoint yang berada di 11 cawangan di setiap ibu negeri seluruh Malaysia.

TAMAT

Mengenai Kumpulan Cosmopoint.

Kolej Universiti Metropolitan Kuala Lumpur (KLMUC) dan Kolej Cosmopoint berada di bawah pengurusan Kumpulan Cosmopoint, ianya telah bertapak kukuh lebih daripada 24 tahun dengan penyediaan pengalaman pembelajaran yang praktikal serta mempunyai pelbagai kurikulum yang menepati kehendak pasaran semasa. KLMUC adalah sebuah kampus di dalam bandar dan Kolej Cosmopoint mempunyai 11 cawangan di seluruh Malaysia. Kumpulan Cosmopoint berada di bawah kawal selia Kumpulan ILMU Berhad (ILMU), antara kumpulan integrasi peneraju pendidikan di Malaysia, dengan pelbagai portfolio institusi merangkumi semua peringkat: rendah, menengah (K-12) dan pendidikan tinggi.

Kolej Universiti Metropolitan Kuala Lumpur

Kolej Universiti Metropolitan Kuala Lumpur (KLMUC) adalah sebuah institusi pengajian tinggi yang progresif dan inovatif dengan menawarkan lebih daripada 50 program di bawah 6 fakulti. Ditubuhkan pada tahun 2006 KLMUC kini menawarkan program Asasi, Diploma dan Ijazah yang menerapkan prinsip Aplikasi Dunia Nyata sebagai laluan kepada kejayaan profesional. KLMUC juga terus berusaha dalam membangunkan program-program yang relevan bagi memenuhi keperluan pelajar. Program-program akademik dibangunkan melalui perundingan dengan rakan-rakan perniagaan dan industri luar, sektor awam dan profesional. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.klmuc.edu.my

Mengenai Kolej Cosmopoint

Kolej Cosmopoint telah ditubuhkan pada tahun 1991 dengan sejumlah 11 kampus yang terletak di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak menyediakan keperluan pendidikan kepada seluruh masyarakat. Cosmopoint telah melahirkan seramai lebih 100,000 siswazah di seluruh negara. Institusi ini menyediakan pendidikan yang berkualiti berasaskan pengalaman dunia sebenar, bagi membimbing pelajar tempatan dan antarabangsa dalam memacu kecemerlangan akademik. Kolej Cosmopoint kini menawarkan program-program industri seperti IT, Pengurusan Perniagaan, Perakaunan, E-Kesetiausahaan, Multimedia, Rekabentuk Grafik, Senireka Fesyen, Penyiaran dan Filem, Seni Kulineri dan Fisioterapi. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.cosmopointcollege.edu.my

Untuk sebarang pertanyaan media:

Cosmopoint Sdn Bhd

Elyantie Mohamed

Pengurus, Penjenamaan & Komunikasi

Tel: (603) 2604 6113

E: elyantie.mohamed@cosmopoint.com.my

Noor Anita Yusof

Eksekutif, Penjenamaan & Komunikasi

Tel: (603) 2604 6119

E: noor.anita@cosmopoint.com.my